

Perfect Food terus promosi penjimatan

→ Kempen 'Smart Buy' didik pengguna bijak berbelanja, beli produk tawaran menarik

MEDIA & PENJENAMAAN

Oleh Nurhayati Abillah
nurhayatiabillah@bh.com.my

Perfect Food Manufacturing, pengeksporth biskut terbesar di Malaysia menerusi jenama Julie's meneruskan Kempen 'Smart Buy' bagi mendidik pembeli supaya membuat perbelanjaan bijak dan membeli produk dengan tawaran yang menarik.

Syarikat itu menerusi kenyataan medianya berkata, sepanjang pengajuran kempen itu pada tahun 2014 dan 2015, rakyat Malaysia didapati mampu menjimatkan kira-kira RM37 juta perbelanjaan untuk pembelian biskut.

Selain itu, katanya, promosi produk dengan lebih kualiti atau menerusi paket bonus yang dilancarkan setiap bulan pada sepanjang tahun juga berjaya menjimatkan 50 peratus perbelanjaan bagi produk biskut.

"Sebagai pengguna, kita harus menyediakan senarai semakan dan anggaran sebelum membuat pembelian. Pada masa sama, kita harus merujuk kepada risalah promosi di pasar raya sebagai



Kempen 'Smart Buy' memilih kraker sebagai biskut promosi kerana ia adalah pilihan utama.

**Fakta
nombor**

RM37 JUTA

penjimatan perbelanjaan beli biskut pada 2014-2015

75 NEGARA

pasaran eksport jenama Julie's

panduan pembelian.

"Dengan ini, kita boleh memastikan perbelanjaan tidak terlebih dan hanya membeli produk dengan tawaran yang terbaik," katanya.

**Beri motivasi
berjimat cermat**

Menurut kenyataan itu lagi, kempen 'Smart Buy' diharap akan memberi motivasi kepada rakyat Malaysia untuk berjimat cermat, selain menyaran pengeluar mengambil kesempatan untuk melancarkan aktiviti promosi seumpama itu yang membolehkan pengguna menikmati pelbagai tawaran serta promosi.

Kempen 'Smart Buy' memilih kraker sebagai biskut promosi kerana ia adalah pilihan utama untuk sarapan, minum petang atau

makan lewat malam.

Dua jenis kraker, iaitu Biskut Golden dan Biskut Gula akan dijual dengan harga promosi, iaitu RM2.99 sepanjang tahun.

Selain itu, Julie's juga melancarkan Biskut Golden dan Biskut Gula dalam bentuk tiga paket dengan harga runcit RM8.79 pada tahun ini.

Selain kraker, biskut Julie's juga boleh didapati dalam bentuk paket bonus, dengan penambahan kuantiti 20 peratus hingga 50 peratus, sebagai satu lagi promosi kepada pembeli yang mana mereka akan menikmati kuantiti lebih pada harga yang sama.

Di bawah jenamanya Julie's, Perfect Food sudah berkembang di lebih 75 negara di seluruh Asia Tenggara, Asia Pasifik, Afrika Amerika dan Asia Barat.